

Sepatutnya sesebuah akhbar itu janganlah hendaknya mengacu dan berani berkata-kata dalam perkara yang tidak diketahuinya yang bakal menyesatkan fikiran orang-orang awam. Wakil akhbar Majlis telah menyebarkan di dalam akhbarinya pada 10 Ogos dengan bertajuk Ahmadiyah tidak ditegah – Sultan mengingatkan jangan mengkafirkan seseorang Islam – ada mengelirukan orang ramai. Kita yakin Sultan dan Jabatan Agama di Selangor tidak sebegini bodoh tentang melayan Qadiani. Keterangan yang diambil oleh wakil Majlis itu bukan daripada Jabatan Agama atau Sultan tetapi dari mulut penganjur Ahmadiyah Qadiani yang masyhur putar belitnya untuk menegakkan benang basah dan untuk “menipu” orang supaya tertarik kepada pengajarannya. Adakah wakil majlis itu sudah kena gosok tengkuknya? Awas – Jabatan Pertadbiran Majlis patut memerhati perkara ini. Itu sekarang mahu tambah yang kurang tentang serba satu itu dengan agamanya agama satu iaitu agama Ahmadiyah Qadiani ! Masya-Allah !

-----*-----*-----
 Kalau tidak tahu selok beloknya lebih baik jangan campur – kalau belum tahu putar belit Qadiani lebih baik



KOPI PAHIT

jangan berhadapan dengannya. Di Azhar – dan di mana-mana tempat dalam dunia Islam menghukumkan Qadiani bukan di dalam lingkungan Islam – keterangan apa yang mahu lagi. Jadi kalau mahu juga jadi pendakwah menyiarkan. “Kebaikan” Qadiani nanti orang cap akhbar Qadiani dan orang ramai marah lalu tak berani membeli akhbar? – Apa kata. Kalau mahu selamat jangan cuba mengikut putar belit orang.

-----*-----*-----
 Penyata suruhanjaya penyiasat rusuhan telah tersiar. Di antaranya disebut bahawa Tuan Yang Terutama tidak menerima bantahan daripada ketua-ketua orang-orang Islam. Sememangnya tidak patut ketua-ketua tidak menyatakan apa yang sebenar bagi pengetahuan Tuan Yang Terutama itu untuk keselamatan dan keamanan negeri tetapi kalau keadaan penganjur-penganjur Islam sebagai yang telah lalu tidak bertanggungjawab dan suka menanggung

di air yang keruh sahaja – gemar supaya terkemuka atau dikemukakan maka lebih baik orang Islam tidak berpenganjur. Ini patutlah mendapat perhatian pihak pentadbiran supaya tatkala mempersetujui lantikan di dalam sesuatu pertubuhan yang mengenai hal ehwal agama hendaklah di pilih orang-orang yang jauh pandangannya dan berani menerangkan yang benar – tidak seperti orang yang sentiasa memaki kata “Yes Sir” sahaja.

-----*-----*-----
 Orang-orang di Kelantan sedang heboh dengan langkah A Mahmud Muhyiddin Naib Yang di-Pertua Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan yang di katakan telah tidak bermesyuarat mengeluarkan wang majlis agama itu sebanyak \$30,000 ke dalam saving bank dan membeli “Premium Bond” yang sepatutnya sama dengan loteri. Adalah di katakan ia menepuk dada akan menanggung segala dosa langkah-langkahnya itu. Dosa tinggal dosa tetapi majlis itu ada ahli-ahli mesyuaratnya. Orang yang menjalankan kerja tidak bermesyuarat bermakna “diktator” . Kalau

betul begitu bolehlah kita gelar ia “diktator Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan” – apa bersetuju atau tidak.

-----*-----*-----
 Perkata Kelantan ini patut menjadi perhatian kepada ahli-ahli agama dan raja-raja – kalau raja-raja mahu mengikut pengajaran Islam. Mahu lantik seseorang dalam suatu jawatan hendaklah ambil daripada ahlinya. Kalau bukan daripada ahlinya yakni kalau bukan daripada ahli agama ataupun daripada golongan yang endah tak endah dengan agama yang suka dengan perbuatan “mengalakkan bercinta berahi” di pantai yang masyhur itu diletakkan dalam mengurus agama – faedahnya sudah terang tidak payah disebut lagi – saya punya kuasa lu apa peduli, hati puas, dosa saya tanggung – sendiri punya kubur, sendiri jawab, kesudahannya bersedia membawa mahu masuk neraka – *La haula wala Quwatailla Billah* beginilah padahnya kalau orang dikongkong oleh hawa nafsu dan tidak mendengar tegahan Allah dan Rasul-Nya – Cemeti Al-Farouk